




SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia

GAGASAN KOPERASI

BIL.1/2023

DITERBITKAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

EDISI BERKALA



Cahaya Gua
Sireh Jadi
Tarikan
Pelancong



Percutian Unik
Di Tengah Bandar



DARI MEJA PENGARANG

AMRAN HJ ABD KADIR

Pengerusi,
Jawatankuasa Penerbitan



GAGASAN KOPERASI

Majalah Gagasan Koperasi
01/2023

PENGERUSI EKSEKUTIF

Rusli Jaafar

**PENGERUSI
JAWATANKUASA PENERBITAN**

Amran Hj Abd Kadir

KETUA EDITOR

Mohd Firdaus Hussin

EDITOR

Nor Azam Md Salleh
Syamsul Safarin Mohd Ali
Sharifah Nurrasyidah Syed Abd Razak
Mohd Affandy Amir
Norhaslinda Isa

EDARAN & PENERBITAN

Bahagian Pembangunan Koperasi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Majalah Gagasan Koperasi edisi pertama bagi tahun 2023 ini dapat diterbitkan mengikut perancangan.

Saya turut mengucapkan tahniah kepada pasukan editorial yang memberikan cetusan idea bagi setiap parparan supaya lebih menepati intipati yang hendak disampaikan.

Walaupun negara kita masih dalam fasa pemulihan dari segi ekonomi selepas dilanda wabak COVID-19, namun semangat dan iltizam yang ditunjukkan koperasi-koperasi di negara ini untuk bangkit semula, merancakkan kembali aktiviti ekonomi amat wajar diberi pujian. Mereka tidak pernah mengalah untuk terus berjuang menjana perolehan melalui aktiviti yang dijalankan.

Syabas!

Sesungguhnya proses penerbitan majalah ini bukanlah suatu yang mudah kerana memerlukan kerjasama ramai pihak. Bermula daripada merangka pengisian, pembahagian tugas, membuat wawancara, sehingga ke penghasilan konten penulisan, itu semua memerlukan komitmen tidak berbelah bahagi setiap individu terlibat.

Kami memaparkan kisah menarik yang membawa konotasi kejayaan setiap koperasi yang telah dikenal pasti. Melalui setiap kisah kejayaan ini, kesimpulan yang dapat dilihat adalah kejayaan dicapai melalui usaha tanpa mengenal jemu.

Inilah hasrat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) melalui penerbitan majalah ini. Selain mendokumentasikan aktiviti SKM, kami juga turut berhasrat menyampaikan kisah-kisah

“

Setelah berjaya melalui pelbagai liku-liku cabaran selama 100 tahun sejak penubuhannya, gerakan koperasi di negara ini terus menunjukkan keampuhan dan keupayaan daya tahan yang tersendiri dalam mendepani segala cabaran untuk terus kekal relevan dalam memberikan sumbangan kepada semua anggota, komuniti setempat dan masyarakat di negara ini. Ternyata gagasan ini memiliki kekuatan yang unik dan tersendiri.

kejayaan koperasi yang boleh dijadikan inspirasi bagi menggalakkan lagi kesedaran, percambahan minda dan idea-idea baharu dalam kalangan koperator dan pendukung kepada gagasan ini.

Setelah berjaya melalui pelbagai liku-liku cabaran selama 100 tahun sejak penubuhannya, gerakan koperasi di negara ini terus menunjukkan keampuhan dan keupayaan daya tahan yang tersendiri dalam mendepani segala cabaran untuk terus kekal relevan dalam memberikan sumbangan kepada semua anggota, komuniti setempat dan masyarakat di negara ini. Ternyata gagasan ini memiliki kekuatan yang unik dan tersendiri.

Akhir kata, usaha dan kerja keras perlu diteruskan dan ditambah baik demi memastikan gerakan koperasi akan terus berdaya saing pada masa akan datang dan menempa lebih banyak kejayaan yang memberangsangkan. Tiada kejayaan diraih tanpa usaha.

KANDUNGAN

RENCANA UTAMA

Cahaya Gua Sireh Jadi Tarikan Pelancong

5-7



FOKUS

Sektor Pelancongan Perlu Perkasakan Pemasaran Digital

8-9

TEROKA

Dekati Alam Semula Jadi Hutan Bakau

10-11

Percutian Unik Di Tengah Bandar

12-13

5-7

PROAKTIF

KGMKB Diversifikasi Perniagaan Industri Pelancongan, Kesihatan

14-15



12-13

Manfaatkan Bantuan Kewangan Bernilai RM270,000.00

16-17

Penggunaan Drone Memudahkan Aktiviti Meracun Di Sawah Padi

18-19



14-15

Perluaskan Pasaran Martabak dan Akok

20-21

INSPIRASI

Koperasi Keluarga Usahakan 6 Jenis Bisnes

22-23

Stesen Minyak Sumbang Pendapatan Tertinggi

24-25

Fokus Perniagaan Pajak Gadai Islam

26-27



24-25

GP23 Selaraskan Piawaian Akaun & Laporan Kewangan

28-29

SEMy2030 Menyasarkan 10,000 Perusahaan Sosial di Malaysia

30-31

PENULIS TAMU

SKM SASAR KECEMERLANGAN PASCA PANDEMIK

“
Saya juga ingin menyeru dan mengalu-alukan penyertaan lebih ramai anak muda untuk mengambil peluang ini dengan menceburii bidang keusahawanan dan koperasi sebagai medium pilihan mereka.

Alhamsudillah, sekali lagi majalah Gagasan Koperasi (Majalah) dapat diterbitkan dengan jayanya. Semoga dengan penerbitan majalah kali ini akan memberi inspirasi kepada lebih ramai pembaca dari kalangan pelbagai peringkat lapisan masyarakat khususnya mencetuskan kesedaran untuk turut sama menggembung usaha menyokong pembangunan gerakan koperasi di negara ini yang selama ini turut digalas bersama pihak Kerajaan.

Saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana telah diberi peluang untuk mencerahkan khidmat dengan sebuah organisasi yang senantiasa bersemangat untuk terus maju ke hadapan. Menerajui sebuah pasukan dalam kalangan warga yang saya lihat amat berdedikasi ini adalah pembenaran paling baik yang Allah S.W.T. anugerahkan kepada saya.

Dengannya, kita mampu memotivasi dan menjadi pendorong antara satu sama lain untuk terus berusaha dan menggembung tenaga ke arah matlamat yang hendak dicapai. Saya percaya, dengan segala perancangan yang telah disusun dan dirancang, semestinya akan membawa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ke tahap yang lebih gemilang.

Saya berhasrat menjadikan Suruhanjaya ini sebuah organisasi yang disegani dan pada akhirnya, seluruh



pendukung dan penggerak dalam sektor koperasi akan menerima manfaat daripadanya. Malah tidak mustahil lagi untuk kita mengimpi kan kelak, negara kita akan dijadikan sebagai negara contoh yang memiliki sebuah entiti gerakan koperasi terbaik di dunia.

Saya ingin menegaskan bahawa Suruhanjaya terus kekal komited dalam usaha membantu membangun dan mengukuhkan status ekonomi gerakan koperasi di negara ini. Khususnya dalam keadaan negara kita kini memasuki fasa pasca pandemik. Pembangunan koperasi perlu dipergiat dan dilaksanakan secara agresif kerana ramai usahawan ingin kembali ‘bernyawa’ selepas terkesan akibat COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021 dahulu.

Dalam usia yang telah cukup matang, SKM sudah berupaya untuk membentuk lebih ramai usahawan yang berdaya saing. Sama ada koperasi sekolah atau koperasi dewasa, semuanya sudah mampu merancang dan melaksanakan pelan-pelan pembangunan bagi mengukuhkan perniagaan masing-masing. Peranan SKM adalah memantau dan membantu dari aspek advokasi, kawalseliaan dan juga menyediakan fasiliti pembiayaan bagi tujuan menyokong pengukuhan aktiviti perniagaan koperasi.

Saya berharap Suruhanjaya mem pertingkatkan usaha bagi meneruskan agenda pengukuhan gerakan koperasi sedia ada di samping meneroka dan memperkenalkan inisiatif baharu bagi memastikan gerakan ini mampu berta-

han dan kekal bersaing dalam landskap pembangunan yang sentiasa berubah, khususnya melibatkan perkembangan teknologi dan komunikasi.

Penyertaan lebih aktif gerakan koperasi dalam pelbagai industri misalnya pertanian, penternakan, ar-rahnu, peruncitan, pelancongan, makanan dan minuman, takaful serta yang terkini misalnya gaming atau e-sport merupakan di antara bidang yang boleh diteroka.

Saya juga ingin menyeru dan mengalu-alukan penyertaan lebih ramai anak muda untuk mengambil peluang ini dengan menceburii bidang keusahawanan dan koperasi sebagai medium pilihan mereka.

Ini kerana saya percaya mereka mempunyai keupayaan untuk merealisasikan idea-idea berasas yang amat diperlukan bagi memberikan nafas baru kepada gerakan ini. Semoga hasrat saya ini dipandang serius oleh anak muda di luar sana. Sahut cabaran saya dan buktikan potensi anda.

Akhir kata, seseorang usahawan perlu memiliki kreativiti agar apa sahaja yang diusahakannya mempunyai nilai tambah dan sentiasa mendapat sambutan. Semakin kreatif kita sebagai usahawan, maka semakin mudah bagi kita untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan.

Selamat Maju Jaya!

RUSLI JAAFAR
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Suasana di dalam Gua Sireh menarik perhatian pengunjung dengan panorama dan landskap yang mengasyikkan.



Cahaya Gua Sireh Jadi Tarikan Pelancong

Bantuan RM750,000 Buka Peluang Koperasi Biayai Kos Pengurusan

Pelancongan adalah salah satu industri yang boleh membawa keuntungan berlipat kali ganda. Walaupun kos pengurusannya tinggi, namun permintaan tetap ada daripada masyarakat sekeliling dan pelancong dari luar.

Atas dasar itu, peluang tersebut telah disambut baik oleh Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad. Pihak koperasi ini menyediakan perkhidmatan membawa pelancong menikmati keindahan suasana di dalam Gua Sireh yang terletak di Baling, Kedah.

Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad ditubuhkan pada Oktober 2019. Sebelum bergerak atas kapasiti sebagai koperasi, organisasi ini pada asalnya adalah sebuah persatuan penduduk. Setakat ini, koperasi tersebut telah mempunyai seramai 43 anggota.

“Apabila memikirkan keperluan untuk kami melangkah lebih jauh, kami sepakat memutuskan untuk melakukannya secara bersama, melalui berkoperasi. Hal ini memudahkan untuk kami mendapatkan lebih banyak peluang membesarakan perniagaan apabila bekerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM),” ujar Mohd Sazali Ibrahim selaku pengurusnya.

Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad menawarkan sembilan pakej pelancongan kepada pengunjung. Pengunjung berpeluang memilih pakej yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Menurut Sazali, pakej yang ditawarkan pada hari ini adalah pakej untuk pengunjung meneroka keadaan di dalam Gua Sireh. Selain meneroka, pihak koperasi juga menawarkan perkhidmatan katering untuk pengunjung menikmati makanan sebelum atau selepas menjalankan aktiviti penerokaan mereka.

“Kami menawarkan harga tiket RM15 untuk dewasa, RM10 untuk pelajar sekolah menengah, RM7 untuk pelajar sekolah rendah, RM4 untuk kanak-kanak berusia 5 tahun ke bawah dan RM30 untuk pelancong bukan warganegara Malaysia. Untuk orang kelainan upaya (OKU) yang datang bersama keluarga pula adalah percuma, OKU yang datang dalam kumpulan kami caj dengan bayaran minimum mengikut kumpulan dan


RM10 untuk warga emas,” ujarnya lagi yang turut memaklumkan bahawa bayaran ini untuk penyediaan jurupandu ke dalam gua dan juga insurans kepada pengunjung.

Tempoh untuk meneroka sekitar kawasan dalam gua ini adalah lebih kurang 1 jam 30 minit bagi satu-satu kumpulan. Kebiasaannya aktiviti pelancongan di Gua Sireh mendapat sambutan hangat ketika waktu cuti sekolah hujung minggu dan musim cuti penggal persekolahan.

“Pendaftaran untuk masuk ke dalam gua adalah bermula dari jam 9

pagi hingga 4.30 petang. Maksudnya pengunjung masih boleh mendaftar pada jam 4.30 petang dan akan dibawa meneroka gua. Pengunjung kebiasaannya akan keluar pada jam 6 petang,” tambah beliau lagi.

Bagi aktiviti penerokaan gua ini, pihak koperasi tidak meletakkan had bagi jumlah pengunjung pada satu-satu masa. Bagi mereka (pengunjung) yang berseorangan dan berhasrat ingin meneroka gua, pihak koperasi tetap menyediakan juru pandu kepada pengunjung tersebut untuk dibawa meneroka ke dalam



Rimbun kehijauan yang mendamaikan di luar kawasan gua.

Meneroka Gua Sireh memberikan pengalaman menarik kepada pengunjung.





Antara produk koperasi yang boleh dibeli di sini.

gua. Sumbangan koperasi melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini ternyata mempunyai kesan yang positif. Di antaranya adalah membuka peluang pekerjaan dan peningkatan taraf ekonomi yang turut dirasakan masyarakat setempat. Buat masa ini, koperasi mempunyai 17 orang juru pandu yang bekerja sambilan di sini. Bayaran gaji dibuat mengikut jumlah sesi penerokaan yang telah mereka buat bersama pengunjung.

“Juru pandu pelancong kami diberikan kursus oleh pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan juga pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Mereka telah dilengkapi pengetahuan mengenai asas-asas keselamatan. Malah turut berkebolehan untuk membantu menyelamatkan nyawa pada waktu kecemasan,” ujarnya lagi.

BANTUAN SKM

SKM dan Kementerian Kemanjuran Desa dan Wilayah (KKDW) telah menyokong usaha Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad ini dengan memberikan geran bantuan kewangan berjumlah RM750,000.00 untuk membiayai kos pengurusan, pengangkutan dan pembelian peralatan serta perkakasan bagi tujuan penyelenggaraan infrastruktur sekali gus kos operasi industri pelancongan di sini.

“Sebelum ini, kami juga mendapat bantuan sebanyak RM10,000 dari SKM untuk memulakan operasi di Gua Sireh. Ketika itu, kami bermula secara kecil-kecilan dan terpaksa berhutang untuk membeli peralatan dan

kelengkapan asas yang amat kami perlukan. Pada tahun 2019, kami bermula, namun kemudian terpaksa dihentikan kerana COVID-19. Sekarang, kami bermula kembali secara agresif,” katanya.

Bericara soal perancangan masa hadapan, pihak koperasi berhasrat membina kolam plastik untuk ditempatkan di bahagian hadapan kawasan rekreasi ini. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian pengunjung mandi-manda di kolam renang terutamanya kanak-kanak.

“Orang awam tidak tertumpu kepada aktiviti meneroka gua sahaja. Mereka berpeluang mandi-manda di kolam renang, bermain *gimnasium outdoor*, menikmati hidangan di kafe dan kiosk makanan yang bakal dibina. Kami perlu berusaha keras dan mengukuhkan strategi perniagaan untuk merealisasikan impian masa depan ini,” tambahnya.

Menutup bicara, Sazali amat besar hati dan mengalu-alukan kunjungan orang ramai ke Gua Sireh untuk menikmati keindahan panorama di dalam gua tersebut. Gua ini secara fizikalnya mempunyai ketinggian yang direkodkan 60 hingga 80 meter, manakala ukuran kelebaran 192 meter. Tarikan utamanya terdapat pada kewujudan formasi stalagmit dan stalaktit yang cantik apalah lagi apabila dilimpahi pencahayaan lampu dari sudut yang bersesuaian, ternyata akan memberikan suatu pemandangan yang mengasyikkan.



Batu unik yang berupa tanda ‘mini love’ mencuit hati pengunjung

*Orang awam tidak tertumpu kepada aktiviti meneroka gua sahaja. Mereka berpeluang mandi-manda di kolam renang, bermain *gimnasium outdoor*, menikmati hidangan di kafe dan kiosk makanan yang bakal dibina*

MOHD SAZALI IBRAHIM
Pengerusi Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad



Sektor Pelancongan Perlu Perkasakan Pemasaran Digital

Koperasi Tumpu Latihan Profesional Dan Ekosistem Perniagaan

Latihan pada tahap profesional dan premium amat berkesan untuk anggota meningkatkan kepakaran anggota koperasi yang menjalankan perniagaan pelancongan. Inilah antara yang dikatakan oleh Setiausaha Federasi Koperasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad (FKPPDK), Abdul Jalal Md Nawi.

Menurut beliau, mempraktikkan latihan adalah satu hal yang menjadikan kemahiran semakin mantap dan boleh memberikan servis terbaik kepada pelanggan terutamanya dalam bidang pelancongan. Usahawan pelancongan perlu memberikan servis mengikut kepada keperluan pelanggan. Justeru, usahawan perlu bijak meneroka masalah yang dihadapi oleh pelanggan sebelum memulakan perniagaan.



Abdul Jalal Md Nawi

“Tawarkan apa yang pelanggan mahu. Perbaiki servis semantap yang boleh supaya pelanggan puas hati. Perniagaan pelancongan memerlukan servis yang berkesan. Misalnya servis khidmat pelanggan, *front desk*, pramusaji, pembersihan dan juga bahagian pemasaran serta jualan,” katanya yang mengakui bahawa kegagalan sesebuah perniagaan pelancongan selalunya berkaitan dengan kelemahan dari segi memberi servis terbaik kepada pelanggan.

Selepas kehadiran wabak COVID-19, banyak perniagaan pelancongan yang ditutup akibat terkesan. Justeru, bagi perniagaan yang masih boleh meneruskan perniagaan, Abdul Jalal menyarankan supaya pemilik perniagaan melakukan sesuatu.

“Dalam hal ehwal perniagaan, kita perlu mempunyai *mindset* yang betul.


Apatah lagi dalam industri pelancongan. Saya telah bergiat selama lebih 44 tahun dalam industri pelancongan dan memahami selok belok perniagaan yang berkaitan industri ini. *Mindset* menentukan bagaimana cara kita membawa perniagaan kita ke arah yang lebih maju,” tambahnya lagi.

PEMASARAN DIGITAL

Pada hari ini, kita tidak dapat lari daripada teknologi. Pemasaran digital adalah salah satu perkara yang amat penting untuk diperhatikan. Menurut Abdul Jalal, mahu atau tidak mahu, koperasi yang menjalankan perniagaan berbentuk pelancongan perlu menggunakan strategi pemasaran digital untuk lebih menjana keuntungan.

“Pemasaran digital adalah satu yang amat penting. Ianya memudahkan pelanggan untuk mengetahui kewujudan perniagaan kita dan menjadikan pelanggan lebih senang berurusan dengan kita misalnya untuk membuat tempahan. Tidak kiralah sama ada kita mengusahakan hotel, hotel bajet atau chalet, servis kita perlu berkesan dan menawarkan servis terbaik kepada pelanggan,” kata Abdul Jalal yang mengakui pentingnya media sosial dan laman sesawang yang bersifat interaktif kepada pelanggan.

Pun begitu, untuk membuat pemasaran secara digital sememangnya memerlukan bajet. Justeru, usahawan perlu menyediakan bajet untuk membuat *setting*, menguruskan media sosial termasuk laman sesawang, penggunaan aplikasi dan menyediakan kandungan berkesan untuk perniagaan masing-masing. Hal ini barangkali masih dipandang remeh oleh usahawan sedangkan ianya memberikan impak sangat besar dalam sesebuah perniagaan.



Abdul Jalal menggalakkan semua pengurusan koperasi menumpukan kepada strategi pemasaran digital untuk meluaskan jaringan.

VISI

MENJADI PENERAJU SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN DALAM KOPERASI BERTARAF GLOBAL MENJELANG 2030

MISI



Menjadi rakan strategik kepada KKM, MOTAC, agensi kerajaan, kerajaan negeri dan swasta



Menyediakan produk, perkhidmatan, fasiliti (digitalisasi), menyediakan peluang keusahawanan, meningkatkan tahap ekonomi koperasi dan anggota.



Meneraju halatju Koperasi-Koperasi asas Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan ke peringkat antarabangsa



Mentransformasikan Koperasi dan mendominasi pasaran mesra muslim

(*Syariah Compliance & Muslim Friendly*)

Ekosistem perniagaan perlu ditambah baik dengan pemasaran digital yang mantap.

ANGGOTA DI BAWAH FKPPDK

FKPPDK mempunyai 27 anggota yang terdiri daripada koperasi yang menjalankan perniagaan jenis pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan. Terdapat banyak manfaat bagi koperasi yang mendaftar sebagai anggota di bawah federasi kerana fed-

erasi membantu memberikan ekosistem perniagaan yang berkesan.

“Selain latihan premium, federasi memberikan ekosistem termasuk promosi kepada perniagaan setiap anggota. Begitu juga dengan keuntungan daripada pembayaran dividend,” ujar Abdul Jalal.

FKPPDK bermula pada April 2021

dan kini mempunyai 711,130 anggota daripada 27 buah koperasi yang bernaung di bawahnya. Pembentukan federasi ini adalah seiring dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) untuk mewujudkan perniagaan yang berstrategi dengan menggunakan kaedah pendigitalan mengikut *trend teknologi* terkini.



Perniagaan makanan dan minuman (F&B) juga termasuk dalam perhotelan.

Dekati Alam Semula Jadi Hutan Bakau

Kenali Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Kuala di Johor

Koperasi Orang Asli Peserta-Peserta FELCRA Kawasan Sungai Layau Berhad mempunyai keistimewaan tersendiri dalam bidang pelancongan. Jika kebanyakan destinasi lain menawarkan keindahan pantai atau gua, koperasi ini menawarkan pengalaman menikmati panorama hutan bakau dan mendekati masyarakat orang asli dari suku kaum Kuala.

Menariknya, kawasan Sungai Layau yang terletak di Kota Tinggi ini baru saja beroperasi pada tahun lepas iaitu 2022 disebabkan kehadiran wabak COVID-19. Pun begitu, lokasi pelancongan ini telah mulai mendapat perhatian ramai atas sebab daya tarikan yang unik di sini.

Tapak perkhemahan dengan pelbagai saiz khemah disediakan untuk para pengunjung dan pelancong. Pengunjung boleh memilih sama ada untuk menyewa khemah dan kelengkapan yang disediakan koperasi atau membawa sendiri milik anda. Caj bayaran pula adalah mengikut saiz tapak yang anda pilih.

“Selain itu, jika anda tidak mahu tidur di tapak khemah, anda juga boleh menyewa chalet kami. Buat



Unggun api menjadikan tapak perkhemahan lebih menarik untuk aktiviti malam.

masa ini, kami mampu menerima sehingga 50 orang pengunjung di tapak perkhemahan ini. Selain berseronok bersama seisi keluarga, anda juga boleh menjalani berbagai aktiviti lasak yang kami sediakan,” ujar pengurusnya, Abdul Rahim Aziz.

Antara aktiviti lasak yang disediakan bagi pengunjung di sini adalah berkayak dan menelusuri Sungai

Layau dengan menggunakan bot. Pengunjung juga berpeluang menaiki rakit dan berpeluang untuk ikut sama mencari kepah, lokan dan siput.

“Malah, selain itu anda juga berpeluang untuk turut sama mengikuti bot nelayan dalam aktiviti menangkap ikan. Dari situ anda boleh menimba pengalaman dan merasai secara langsung rutin dalam kehidupan se-

Antara bot yang digunakan untuk membawa pelancong mengikuti aktiviti menelusuri ekosistem kepelbagaiannya flora dan fauna di sekitar sungai Layau.





Barisan pihak ALK koperasi bersama anugerah dan pengiktirafan yang telah diterima.



Pengalaman percutian yang menarik untuk mengenali masyarakat Orang Asli.

orang nelayan. Jika anda tidak pernah seumur hidup merasainya, inilah masanya dan ketikanya untuk anda.” katanya lagi.

Pakej yang ditawarkan oleh koperasi amat fleksibel dan bertujuan memperkayakan pengalaman yang bakal diperoleh para pelanggan-pelanggan kami di sepanjang tempoh mereka di sini selama tiga hari, dua malam. Lazimnya mereka akan memilih pakej yang mengandungi penginapan, makan minum dan juga pengisian aktiviti-aktiviti yang ingin dijalankan. Sehingga kini, sambutan yang diterima amat menggalakkan di mana, kami kerap menerima tempahan secara berkumpulan dan rata-ratanya di antara mereka ini ingin menikmati percutian di samping tidak ketinggalan untuk mengikuti aktiviti-aktiviti lasak yang kami sediakan.

“Rata-rata pengunjung mengagumi landskap dan pemandangan di persekitaran hutan kayu bakau di sini. Kebanyakan kawasan hutan kayu bakau yang mereka kunjungi agak mengecewakan dan tidak lagi menarik kerana kesan pencemaran sampah dan kotoran yang tidak terurus. Di sini, mereka dapati hutan kayu bakaunya masih cantik dan mempunyai daya tarikan. Banyak juga kawasan hutan di sini yang telah diteroka menjadi ladang kelapa sawit. Inilah sebahagian kecil daripada kawasan hutan yang masih terpelihara dan akan kami jaga untuk diwarisi generasi akan datang,” katanya lagi.

Selain menikmati keindahan alam semula jadi terutamanya melibatkan ekologi hutan kayu bakau, pengunjung juga berpeluang mendekati dan mengenali dengan lebih rapat masyarakat Orang Asli dari suku kaum

Kuala. Menurut Abdul Rahim, Orang Asli Kuala ini berasal dari Batu Pahat. Mereka beragama Islam, seperti mana yang diwarisi generasi mereka terdahulu.

“Kami telah mula menerokai kawasan Sungai Layau sejak tahun 1966. Kami bercucuk tanam dan mulai membina penempatan awal di sini. Ramai juga yang memulakan kehidupan di atas sampan dan semakin lama kami beralih ke daratan, mengikut peredaran zaman,” tambah beliau.

BANTUAN SKM

Koperasi ini berjaya mengumpulkan dana modal sendiri sebanyak RM140,000 dan telah dimanfaatkan untuk menceburi bidang pelancongan. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah memberi geran bantuan berjumlah RM188,000 bertujuan untuk membiayai pembinaan sebuah kedai runcit berkeluasan 60X40 kaki persegi, yang turut menempatkan pejabat koperasi.

SKM yakin akan potensi koperasi ini untuk terus berkembang, berdasarkan kepada prestasi aktiviti perniagaannya yang berorientasikan pelancongan. Justeru, bagi membalas kepercayaan yang diberikan ini, pihak pengurusan koperasi akan terus komited untuk memperlengkapkan ilmu dan kemahiran yang diperlukan bagi memastikan koperasi terus maju, tidak hairanlah apabila koperasi ini telah berjaya dinobatkan sebagai penerima anugerah bagi kategori Koperasi Perladangan Terbaik dan Koperasi Orang Asli Terbaik Negeri Johor.

Percutian Unik Di Tengah Bandar

Peluang *Healing* Hujung Minggu Tidur Dalam Kiub di NAFAS CUBE

Jika anda sebagai warga kota Lembah Klang, tidak mahu menempuh perjalanan jauh semata-mata untuk bercuti pada hujung minggu, anda boleh pergi ke NAFAS Cube yang

terletak di Serdang, Selangor. Walau-pun dekat, destinasi ini tetap istimewa kerana anda berpeluang melakukan aktiviti menarik.

Anda boleh berkhemah dengan konsep glamping, membuat barbeku, memancing, berbasikal, berkuda dan berkelah di tepi tasik yang saujana mata memandang. Tambah menyeronokkan, anda boleh mencuba bilik penginapan unik berkonseptan kon-

tena dan paip pembentung konkrit (*culvert*) dengan hiasan seperti bera da di bilik hotel.

Terletak di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), perc utian hujung minggu anda pasti berbaloi kerana harga yang menarik disediakan untuk pengunjung.

NAFAS Cube adalah perusahaan di bawah Koperasi Warga NAFAS Selangor Berhad (KOWARNA). Destinasi perc utian ini diuruskan sepenuhnya oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dengan konsep agropelancongan.

Menurut Timbalan Pengerusi KOWARNA, Zulkiflay Ahmad, NAFAS Cube dibina untuk memberikan peluang kepada warga kota khasnya menikmati perc utian unik yang men



Suasana Nafas CUBE yang amat menarik pemandangan.

jimatkan masa. Pengunjung tidak perlu membuat perjalanan jauh untuk santai bersama seisi keluarga. Cukup dengan hanya pergi ke Serdang dan anda berpeluang menikmati percutian menyeronokkan.

“Tujuan kami membuka perniagaan pelancongan NAFAS Cube adalah kerana kami ingin menampilkan kelainan kepada pelancong. Pengalaman tidur dalam *culvert* iaitu paip pembentung konkrit amat menarik perhatian. Ramai pengunjung memberikan maklum balas positif terhadap pengalaman penginapan di sini. Bagi saya, ini juga peluang untuk warga kota lari seketika daripada kesibukan rutin harian dengan bercuti pada hujung minggu di sini,” katanya memulakan bicara.

BANTUAN SKM

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyokong setiap koperasi supaya dapat terus berdaya saing dalam perniagaan masing-masing. Pi-hak koperasi pula perlu bijak mencari peluang untuk mendapatkan kepercayaan pelanggan.

Selain bantuan kewangan, SKM



Zulkiflay Ahmad,
Timbalan Pengerusi
KOWARNA

turut membantu dari segi khidmat nasihat dan pemantauan demi memastikan koperasi berada pada landasan yang betul. Sejak KOWARNA ditubuhkan pada 30 Ogos 2012, pelbagai bantuan daripada SKM telah dimanfaatkan untuk memajukan koperasi.

“KOWARNA mempunyai 12 orang anggota lembaga koperasi (ALK) dan 404 anggota. Kami berterima kasih kepada SKM kerana memberikan bantuan geran kewangan. Daripada bantuan tersebut, kami dapat naik taraf NAFAS Cube dengan pelbagai fasiliti terutama untuk kanak-kanak dan penambahan tapak khemah. Pada masa akan datang, kami akan bangunkan dewan terbuka. Kami berhasrat untuk meningkatkan perolehan dan tersenarai dalam 100 koperasi terbaik negeri,” katanya lagi yang turut memaklumkan NAFAS Cube ada 17 bilik dan 13 lot tapak perkhemahan.

Menariknya, pengunjung boleh menempah

bilik dengan menggunakan aplikasi WhatsApp sahaja tanpa perlu menempah melalui dalam talian. KOWARNA berhasrat untuk mencapai sasaran perolehan sebanyak RM485,000 bagi tahun 2023 berbanding RM300,000 pada tahun 2022 yang lalu.



Sila imbas QR Code ini untuk melihat video penuh NAFAS CUBE



Culvert bertingkat memberikan pengalaman penginapan yang unik.



Berkhemah sambil berkelah di tepi tasik.



KGMKB Diversifikasi Perniagaan Industri Pelancongan, Kesihatan

Ingin Ulangi Kejayaan Capai Keuntungan RM10,051,406.14 Pada 2019

Jika anda pergi ke Jitra, Kedah, pasti anda pernah lihat Hotel Darulaman Jitra di Bandar Darulaman. Hotel ini merupakan hotel bajet bertaraf 1 bintang dengan 49 bilik yang terdiri daripada 8 bilik *Standard*, 21 bilik *Superior*, 17 bilik *Deluxe* dan 3 bilik *Suite*. Hotel ini turut mempunyai sebuah dewan serbaguna yang sesuai untuk pelbagai majlis misalnya seminar, mesyuarat dan perkawinan.

Hotel Darulaman Alor Setar pula

adalah cawangan kedua hotel tersebut. Dengan jumlah 28 bilik terdiri daripada 12 bilik *Standard*, 7 bilik *Superior*, 8 bilik *Deluxe* dan 1 bilik *Suite*, hotel ini kerap menjadi pilihan pengunjung kerana dekat dengan lokasi tumpuan seperti Pekan Rabu, Menara Alor Setar, Muzium Diraja dan Menara Nobat. Kedua-dua hotel ini di bawah pengurusan Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad (KGMKB).

Menurut Pengerusi KG-

MKB, Alimen Ahmad, perniagaan



Alimen Ahmad,
Pengerusi KGMKB.

hotel ini termasuk dalam lapanan industri pelancongan. Justeru, perkhidmatan yang diberikan perlu memuaskan hati pengunjung.

“Cabaran bagi koperasi terhadap kelancaran Hotel Darulaman adalah terpaksa bersaing dengan hotel bajet tidak berdaftar yang terdapat di sekitarnya. Apatah lagi apabila hotel bajet tidak berdaftar itu menawarkan harga lebih rendah sementahan tidak terikat dengan pelbagai peraturan oleh pihak berkuasa tempatan dan kerajaan. Pelbagai peraturan yang perlu dipatuhi ini semuanya melibatkan kos yang tinggi,” ujar beliau memulakan bicara.

PUSAT DIALISIS

Selain perniagaan hotel, KGMKB turut membuat perusahaan kesihatan iaitu Pusat Dialisis MyAngkasa Alor Setar (PDMA). Operasi ini dimulakan pada tahun 2020 dengan 12 mesin dialisis.

“Buat masa ini, PDMA mempunyai 7 orang kakitangan dan 37 orang pesakit. Koperasi ini memiliki sebanyak 40 peratus syer dan MyAngkasa Dialisis pula sebanyak 60 peratus syer,” kata Alimen lagi.

Menurut beliau lagi, PDMA menyumbang pendapatan kasar sebanyak RM1,191,290 pada tahun 2022. Perolehan bersih pula sebanyak RM155,681. Hal ini menunjukkan bahawa perusahaan kesihatan memberikan pulangan besar kepada koperasi berbanding perusahaan pelancongan.

“Kedua-dua hotel menyumbang pendapatan kasar sebanyak RM647,860.35 dan keuntungan bersih bagi kedua-dua hotel ini adalah RM70,193.20 bagi tahun 2022,” katanya.



Mahsuri Medical Centre menyediakan perkhidmatan kesihatan yang memuaskan hati pelanggan.



Barisan pihak pengurusan koperasi sepakat menanam azam untuk ulangi kejayaan tahun 2019..

3 CABARAN MENGURUSKAN PDMA:

- 1) Perlu mengawal emosi pesakit supaya konsisten khususnya kepada pesakit yang menjalani rawatan empat jam satu sesi dan seminggu tiga kali.
- 2) Pendidikan kesihatan berterusan antaranya dalam pengawalan pengambilan makanan dan minuman.
- 3) Memberi nasihat yang berterusan seperti penjadualan pengambilan ubat.

BANTUAN SKM

KGMKB telah mendapat bantuan geran untuk menaik taraf hotel daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebanyak RM165,000. Bantuan ini termasuk pembiayaan pada 2019 untuk Hotel Darulaman Jitra berjumlah RM100,000 dan pada 2022 untuk Hotel Darulaman Alor Setar berjumlah RM50,000. Pada 2023, SKM memberikan geran bernilai RM15,000 untuk pengiklanan di Radio Kedah FM.

“Bantuan geran ini dapat meringankan beban kewangan koperasi. Melalui pengiklanan di radio, jualan bilik di kedua-dua hotel meningkat dan koperasi dapat menukar peralatan baharu dan bilik hotel dalam keadaan lebih cantik serta selesa. Selain daripada itu juga, aktiviti dan produk koperasi dapat dihebah bukan sahaja kepada anggota tetapi kepada orang ramai. Ini boleh meningkatkan permintaan kepada aktiviti dan produk koperasi,” katanya lagi.

Bercerita mengenai impian pada masa hadapan, KGMKB ingin membuka perniagaan ar-rahnu kerana perniagaan ini mempunyai peluang cerah dalam pasaran. Selain itu, koperasi ini juga ingin membuka sebuah lagi cawangan stesen minyak. Koperasi juga ingin mempelbagaikan jenis pembiayaan misalnya An Najah Dua, Pembiayaan Affiat dan Buku Emas.

“Pada peringkat awal penubuhan, KGMKB lebih tertumpu kepada perkhidmatan kredit. Mulai tahun 2010, aktiviti koperasi berubah kepada pelbagai produk kredit, insurans kenderaan, air mineral, perhotelan, hospital khusus untuk bersalin, ladang sawit, perumahan, beli sewa bangunan, stesen minyak dan pusat dialisis,” katanya yang mengakui KGMKB perlu sokongan bukan sahaja daripada anggota tetapi juga masyarakat untuk terus berdaya saing.

KGMKB ditubuhkan pada 21 Januari 1950. Idea penubuhannya tersebut pada awal 1940-an yang dikenali

dengan nama Kedah *Malay Teachers Co-operative Thrift And Loan Society, Limited* Alor Setar oleh penajah Inggeris. Tujuan asal penubuhan adalah untuk mengatasi masalah gaji bulanan yang tidak mencukupi dalam kalangan guru.

Guru Melayu pada masa itu bergaji kurang daripada RM100 sebulan. Pun begitu, guru yang dikatakan bergaji kecil ini dapat membina Bangunan Guru pada tahun 1963 dan dijadikan pejabat pengoperasian koperasi dari pada hasil kutipan derma RM2 setiap guru secara potongan gaji.


Pada tahun 1969, koperasi ini telah ditukar namanya kepada Syarikat Kerjasama Guru-Guru Melayu Kedah Cermat Jimat Dan Pinjaman Rial Berhad. Pada tahun 1995, sekali lagi ditukar kepada Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad yang kekal hingga sekarang.

Jumlah keanggotaan adalah 8,378 orang. Sejumlah 92 peratus adalah guru dan 8 peratus adalah kakitangan bukan guru di sekolah dan institusi pendidikan.

“Pencapaian perolehan KGMKB yang tertinggi adalah sebanyak RM10,051,406.14 pada tahun 2019. Saya percaya peranan SKM amat penting untuk memastikan koperasi dapat berdaya saing. SKM adalah satu organisasi yang membantu koperasi dalam tadbir urus. Banyak bantuan kewangan diberikan kepada koperasi yang layak. Hal ini merangsang pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh menurut nilai serta prinsip koperasi bagi menyumbang ke arah pencapaian objektif sosioekonomi negara,” tambahnya mengakhiri bicara.



Setiap kakitangan perlu mempunyai visi serupa dengan pihak pengurusan supaya matlamat koperasi dapat dicapai.



Manfaatkan Bantuan Kewangan Bernilai RM270,000

KGQTKB Buka Chalet Dalam Dusun Durian, Rambutan, Manggis, Dokong Dan Cempedak

Ditubuhkan pada 1 Oktober 1985, Koperasi Guru Quran Tajwid Kedah Berhad (KGQTKB) kini mempunyai seramai 1,655 orang anggota di bawah naungannya. Anggota terdiri daripada guru-guru Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) Negeri Kedah.

Menariknya mengenai KGQTKB adalah koperasi ini mengusahakan sebuah chalet dalam dusun buah-buahan. Buah seperti durian, rambutan, manggis, dokong dan cempedak menjadi daya penarik kepada pengunjung yang ingin menikmati buah-buahan segar dari dusun.

Dinamakan sebagai Chalet

d'Dusun Koop, penginapan ini dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 1.539 hektar di alamat Lot 5183-B, Jalan Sintok KM24 Kampung Baru, 06010 Changlun, Kedah.

“Selepas meneliti kesesuaian keadaan tanah dan persekitarannya, pihak koperasi membuat keputusan untuk mengusahakan chalet di atas



ALK KGQTKB Bermesyuarat untuk mendapatkan kata sepakat dalam perniagaan.



Pakej penginapan dan kutip durian jadi daya tarikan kepada pengunjung.

tanah itu. Daya tarikan chalet ini adalah kedudukannya dalam dusun buah dan lokasinya berhampiran dengan sekolah dan pusat pengajian tinggi seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), matrikulasi, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)," kata Pengerusi KGQTKB, Ibrahim Yahaya.

Disebabkan itulah chalet ini selalu mendapat tempahan penuh apabila musim pendaftaran pelajar baru dan juga ketika adanya majlis konvoikesyen. Ini dianggap sebagai salah satu kelebihan yang ada pada chalet ini.

"Selain itu, pihak chalet juga selalu mendapat tempahan daripada pelanggan yang mahu mengadakan majlis perkahwinan, mesyuarat, seminar dan kursus. Bagi penginapan pula, kami turut sediakan pakej yang memberi peluang kepada penginap mengutip buah dan kami turut menyediakan pulut durian," tambah beliau.

BANTUAN KEWANGAN

KGQTKB menerima bantuan kewangan sebanyak RM270,000 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iaitu RM70,000 geran dan RM200,000 pinjaman. Hal ini digunakan untuk melengkapkan chalet dari segi infrastruktur.

Bantuan ini juga digunakan sebagai modal untuk membantu menyempurnakan segala hal ehwal perniagaan koperasi. Selain Chalet d'Dusun Koop, KGQTKB juga menjalankan perniagaan sewa rumah, sewa rumah kedai dan jualan hasil dusun termasuk memberi pinjaman wang kepada anggota koperasi.

Buat masa ini koperasi mempunyai sebuah bangunan rumah kedai dan lima buah rumah. Menurut Ibrahim, antara kejayaan koperasi pada hari ini adalah rumah sewa sentiasa mempunyai penyewa. Golongan penyewa tetap di lima unit rumah milik koperasi ini ialah pelajar di institusi pengajian tinggi berhampiran yang lazimnya di sekitar Jitra dan Kubang Pasu. Hal ini sangat bagus kerana memberikan pendapatan tetap kepada koperasi melalui bayaran sewa bulanan yang diperoleh.

"Saya juga menganggap kekuatan dana yang dimiliki oleh koperasi pada hari ini berjaya menyiapkan chalet sepenuhnya dan beroperasi mulai Julai 2023. Selain itu, koper-

asi turut bersyukur kerana dengan kekuatan dana yang dimiliki koperasi dapat memberikan lebih kebajikan kepada anggota," tambah beliau.

Pada masa akan datang, koperasi mempunyai perancangan untuk mengembangkan perniagaan melalui pembinaan dewan, aqua park dan menambah aset sedia. Menurut Ibrahim, koperasi ingin membeli lagi rumah dan tanah untuk memenuhi hasrat meluaskan perniagaan.

"Pihak koperasi mengucapkan jutaan terima kasih kepada SKM kerana memberikan bantuan kewangan. Malah SKM juga sentiasa memberi nasihat dan tunjuk ajar. Terutamanya Suruhanjaya Koperasi Wilayah Kubang Pasu yang begitu mengambil berat terhadap projek Chalet d'Dusun Koop yang kami usahakan," tambahnya lagi.

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Persaingan dalam perniagaan adalah perkara biasa. Untuk lebih menonjol berbanding pesaing misalnya chalet berdekatan, KGQTKB menggunakan kaedah pemasaran media sosial sebagai strategi pemasarannya.

Media sosial mempunyai kuasa luar biasa jika digunakan dengan bijak. Justeru koperasi ini mencuba kaedah dalam talian untuk menimbulkan kuasa tular atau viral di media sosial terhadap chalet yang diusahakan.

Media sosial seperti *facebook*, *instagram* dan *TikTok* menyediakan platform atas talian yang mudah namun perlu berstrategi supaya khalayak ramai boleh mengenali chalet dengan lebih cepat.

"Apabila ingin berkembang pesat, koperasi percaya bahawa setiap individu terutama pihak pengurusan perlu lebih cekap dalam hal ehwal pengurusan. Selain itu, penggunaan media sosial perlu lebih meluas supaya chalet dapat dikenali di seluruh tanah air. Kami juga perlu memastikan keadaan kawasan chalet sentiasa dalam keadaan terbaik dan memberikan pengalaman terbaik buat pelanggan," ujar Ibrahim mengakhiri bicara.



Ibrahim Yahaya,
Pengerusi KGQTKB.

Penggunaan *Drone* Memudahkan Aktiviti Meracun Di Sawah Padi

Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad Bantu Tingkatkan Hasil Dan Modal

“

Harapan kami adalah dapat memberikan dividen lebih tinggi kepada anggota. Kami memberikan antara 10 hingga 15 peratus dividen setakat ini. Semoga kami dapat mencapai perolehan lebih tinggi sekali gus memberikan lebih banyak manfaat kepada anggota

JULIANA HASBULLAH

Pengurus Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad



Memahami kekangan golongan pesawah padi untuk mendapatkan modal bagi mengusahakan sawah mereka, maka wujud peranan Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad. Koperasi ini tertubuh dengan hasrat utama untuk membantu anggotanya dalam kalangan para pesawah dari segi modal dan perkhidmatan untuk memastikan sawah yang mereka usahakan berjaya mendapatkan hasil yang terbaik.

Koperasi Permatang Nibong memfokuskan kepada perkhidmatan berteraskan aktiviti pengurusan sawah padi. Hal ini termasuk aktiviti awal seperti membajak tanah sawah, menyediakan benda, meracun, menanam benih padi, membaja dan sehinggalah kepada proses hiliran melibatkan aktiviti menuai dan memotong padi.

“Seterusnya, setelah melalui proses jualan beras kepada pengilang, yang juga turut diuruskan koperasi, hasil jualan ini akan diserah kepada koperasi. Dari situlah koperasi akan kira kos yang ditanggung pesawah ini dan kami akan kembalikan semula pendapatan bersih mereka,” kata Juliana Hasbullah, Pengurus Koperasi Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad memulakan bicara.

SEAKAN ORANG TENGAH

Menurut Juliana, sebelum wujudnya koperasi ini, anggota kami dalam kalangan pesawah perlu menggunakan modal sendiri untuk mengusahakan sawah padi mereka. Ada di antara mereka ini pula kurang berkemamp-

uan dan terpaksa meminjam daripada pihak lain untuk dijadikan modal mengusahakan sawah. Hal ini menjadi kekangan kepada mereka untuk mengusahakan sawah mereka dan memberikan kesan melalui pengurangan hasil yang bakal mereka peroleh.

“Secara amnya, kitaran pendapatan pesawah adalah enam bulan sekali, apabila sawah yang mereka usahakan mengeluarkan hasil. Justeru, ramai di kalangan mereka ini akan terputus punca pendapatan dalam tempoh tersebut, menyebabkan mereka ketidaaan modal untuk mengusahakan sawah. Jadi di sinilah khidmat koperasi benar-benar diperlukan bagi membantu mereka ini. Kami seolah-olah orang tengah yang membantu menawarkan khidmat pendahuluan modal melalui penyediaan aktiviti pengurusan sawah padi,” katanya lagi.

Misalnya, sebelum ini, mereka (pesawah) perlu menggunakan wang sendiri terlebih dahulu untuk membeli benih dan racun. Namun kini, mereka hanya perlu datang ke koperasi untuk terus mendapatkannya. Segala keperluan mereka akan disediakan dan dipenuhi melalui koperasi.

“Kami cuba bantu jimatkan kos para pesawah padi ini. Sebagai contoh, sebelum ini mereka mengambil benih dan racun dari pihak luar. Kami di koperasi menawarkan jualan barang tersebut dengan harga lebih rendah dan sebagai keistimewaan mereka boleh ambil dahulu barang tersebut.

Dengan menjadi anggota koperasi, mereka berpeluang untuk mendapat





Antara stok keperluan para pesawah yang tersedia di kedai koperasi.



Drone yang digunakan sentiasa diselenggara untuk memastikan operasi meracun berjalan dengan lancar.

keistimewaan ini. Kami akan bantu memudah uruskan sawah padi milik mereka. Koperasi tidak guna istilah pajak kerana, kalau pajak itu maksudnya petani beri tanah kepada koperasi sepenuhnya untuk koperasi uruskan. Namun di sini kami (koperasi) masih perlukan kerjasama dari pada petani sendiri,” katanya lagi.

Menurutnya lagi, khidmat pengurusan sawah padi koperasi ini juga terbuka kepada individu bukan anggota koperasi. Bezanya, individu bukan anggota perlu membayar secara tunai, semua kos-kos perkhidmatan yang telah diberikan oleh koperasi sebaik sahaja ianya selesai dilaksanakan.

BANTUAN

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah banyak membantu perkembangan koperasi dari aspek khidmat nasihat perundangan sehingga kepada pemberian insentif kewangan. Ini terbukti apabila

SKM telah meluluskan pemberian geran bantuan kewangan sebanyak RM49,000 kepada koperasi ini untuk mendirikan pusat operasi.

“Pada tahun 2012, kami berjaya membeli sebidang lagi tanah untuk kami dirikan kompleks perniagaan yang lebih besar. Sekali lagi, pihak SKM telah meluluskan bantuan berjumlah RM100,000.00 bagi tujuan tersebut.

Pejabat lama koperasi agak terbatas, di mana saiznya kecil dan kedudukan juga kurang sesuai untuk urusan koperasi. Lokasinya pula terletak dalam kawasan perumahan. Mulai tahun 2019 kami pindahkan lokasi pejabat ini ke kawasan sekarang dan urus niaga menjadi lebih lancar, malah memudahkan orang ramai datang ke pejabat kami,” katanya lagi.

Antara kejayaan yang berjaya dikecapi Koperasi melalui usaha sendiri adalah dapat membeli mesin padi dan sebuah lori untuk memudahkan urusan pengangkutan. Malah Koperasi terus bergerak maju dimana kini kami telah berjinak-jinak dengan bidang pemprosesan dan pengeluaran beras sendiri.

“Kami juga diberi geran bantuan berjumlah RM600,000 daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah Program Desa Lestari (PDL). Kami berhasrat membina bangunan bagi tujuan untuk menyokong aktiviti pemprosesan beras. Wang tersebut juga bakal digunakan untuk membeli jentera, traktor dan mesin pembungkusan. Dengan hasrat ini, anggota kami dalam kalangan pesawah padi, berpeluang menikmati sendiri beras yang mereka usahakan,” tambahnya yang mengakui beras baharu rasanya lebih sedap berbanding beras yang telah

sedia terjual di pasaran.

PDL adalah sebuah program yang bermula pada 2013 di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) merupakan sebuah inisiatif Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bertujuan mentransformasi kawasan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup masyarakatnya.

MENTORING

Koperasi turut berbesar hati apabila SKM melantik mereka sebagai mentor untuk perniagaan jenis pengurusan sawah padi. Sebagai mentor, tugas mereka adalah untuk memberikan latihan kepada usahawan baru supaya dapat menjadi sebuah koperasi seperti mereka.

“SKM telah memilih koperasi ini untuk program *mentoring and coaching*. Kursus khas untuk bidang pengurusan sawah padi. Objektifnya adalah kami melatih mentee untuk menjadi koperasi seperti Koperasi Permatang Nibong ini. Konsepnya pengurusan padi berpusat. Kami fokus dengan usahawan yang ada di Pulau Pinang terlebih dahulu. Alhamdulillah setakat ini telah wujud tujuh koperasi berkaitan padi berjaya dilahirkan. Koperasi tersebut antaranya adalah Koperasi Permatang Pasir, Koperasi Permatang Ara dan Koperasi Bandar Tenusu,” katanya.

AKTIVITI ISTERI PESAWAH

Satu lagi aktiviti perniagaan menarik di bawah Koperasi Permatang Nibong adalah penghasilan Baulu Seri Nibong. Menariknya, baulu ini dihasilkan atas kerjasama isteri-isteri kepada para pesawah padi yang menjadi anggota koperasi.

Ada empat perisa baulu yang dihasilkan iaitu asli, pandan, coklat dan strawberi. Perniagaan ini telah berusia hampir dua tahun dan sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat.

“Harapan kami adalah kami dapat memberikan dividen lebih tinggi kepada anggota. Kami memberikan antara 10 hingga 15 peratus dividen setakat ini. Semoga kami dapat mencapai perolehan lebih tinggi sekali gus memberikan lebih banyak manfaat kepada anggota,” katanya menupit bicara.

Perluas Pasaran Martabak & Akok

Koperasi Keluarga Hajah Nik Meriam Kota Bharu Berhad Kembangkan Perniagaan Ke Skala Yang Lebih Besar

Perniagaan yang diwarisi dari ibu bapa boleh dianggap sebagai satu legasi dan mempunyai nilai sentimental untuk terus diusahakan. Apatah lagi apabila perusahaan kedua-dua ibu bapa mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling.

Bagi Pengurus Koperasi Keluarga Hajah Nik Meriam Kota Bharu Berhad, Nik Azharuddin Nik Abdullah, ibunya mengusahakan perniagaan martabak dan kuih tradisional Kelantan iaitu akok. Perniagaan itu dilakukan secara kecil-kecilan dari rumah sahaja.

“Perniagaan arwah ibu dibantu oleh ahli keluarga. Ketika itu ibu menjual martabak, kuih akok, buah tanjung, tahi itik dan jala mas. Ketika itu sekitar tahun 1970-an. Dah lama ibu berniaga,” kata Nik Azharuddin memulakan bicara.

Pada Mac 2015, ibu kepada Nik Azharuddin meninggal dunia. Selepas sepakat semua 10 beradik, mereka mengambil keputusan untuk meneruskan perniagaan arwah ibunya. Ini kerana mereka lihat perniagaan ini mempunyai masa depan yang cerah disebabkan telah ramai pelanggan tetap.

“Kami meneruskan perniagaan ibu dari rumah selama dua tahun. Kami kemudiannya ingin mengkomersialkan perniagaan ini. Inilah sebabnya kami sepakat untuk menubuhkan syarikat ini sebagai koperasi kerana kami faham bahawa menyertai koperasi membuka peluang untuk kami pergi lebih jauh,” ujar Nik Azharuddin lagi.

RUANG PAMERAN DAN KAFE

Koperasi Keluarga Hajah Nik Meriam Kota Bharu Berhad diluluskan pendaftarannya oleh Suruhanjaya



Proses memasak martabak dilakukan secara manual.

Kami meneruskan perniagaan ibu dari rumah selama dua tahun. Kami kemudiannya ingin mengkomersialkan perniagaan ini. Inilah sebabnya kami sepakat untuk menubuhkan syarikat ini sebagai koperasi kerana kami faham bahawa menyertai koperasi membuka peluang untuk kami pergi lebih jauh

NIK AZHARUDDIN NIK ABDULLAH

Pengurus Koperasi Keluarga Hajah Nik Meriam Kota Bharu Berhad

Koperasi Malaysia (SKM) pada 4 November 2016. Koperasi ini dianggotai oleh 54 orang anggota terdiri





Antara produk koperasi yang menarik perhatian.

Suasana di bahagian dapur memasak kuih buah tanjung.

daripada adik-beradik, anak, menantu dan cucu.

Disebabkan ingin beralih kepada perniagaan berskala besar, koperasi ini perlu berpindah ke satu lokasi yang lebih luas. Mereka perlu mengeluarkan produk dalam jumlah lebih banyak. Atas sebab itulah, koperasi ini tidak sesuai lagi diteruskan operasinya dari rumah.

“Dari rumah, koperasi ini telah berpindah ke ruang kedai yang beralamat di S/4, 78-H Jalan Merbau, 15300 Kota Bharu, Kelantan. Di sinilah kami menjalankan operasi membuat martabak dan kuih-muih tradisional Kelantan seperti akok, buah tanjung, tahi itik dan jala mas. Ruang kedai lebih luas dan selesa untuk kami menjalankan segala operasi pembuatan,” katanya lagi.

Apabila perniagaan koperasi ini berjaya mencapai sasaran dalam skala besar, mereka meneruskan misi untuk menjadikan perniagaan martabak dan kuih-muih tradisional Kelantan ini kepada fasa yang lebih tinggi.

“Pada 18 Mac 2018, kami telah membuka satu lagi cawangan kedai yang dijadikan sebagai ruang pameran segala produk jualan. Menariknya, ruang pameran ini dirasmikan oleh Timbalan Pengarah SKM Kelantan iaitu Zainudin Mohamad,” katanya lagi.

Selain kejayaan tersebut, Koperasi Keluarga Hajah Nik Meriam Kota Bharu Berhad turut berterima kasih kepada SKM kerana membantu koperasi ini untuk mendapatkan status halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 20 Oktober 2022.



Nik Azharuddin dan pekerjaannya sentiasa memberikan layanan mesra kepada pelanggan yang berkunjung ke premis perniagaan koperasi.

Bagi memudahkan pelanggan menikmati juadah martabak dan kuih-muih tradisional Kelantan yang diusahakan, koperasi ini telah membuka kafe. Kafe ini pula dirasmikan oleh Naib Pengurus Eksekutif (Dasar dan Pembangunan) SKM, Amran Ab. Kadir.

khidmat nasihat yang sangat berguna untuk kami mengkomersialkan perniagaan kami daripada perusahaan di rumah kepada sebuah perusahaan yang mempunyai ruang pameran dan kafe malah turut berjaya mendapat status halal daripada JAKIM,” ujarnya.

Bagi peluang masa hadapan, Nik Azharuddin berhasrat membuka kedai dobi dan kedai borong. Beliau juga mempunyai perancangan untuk bergiat dalam bidang harta tanah dan membuka stesen minyak petrol. Justeru pada masa ini, koperasi merancang untuk memohon pinjaman demi merealisasikan hasrat tersebut.

“Buat masa ini, kami fokus kepada perniagaan martabak dan kuih-muih tradisional Kelantan sejuk beku. Kejayaan produk ini amat memberangsangkan kerana kami mendapat banyak tempahan. Pada masa akan datang, kami merancang pelbagai lagi jenis perniagaan dan ketika itu semestinya kami akan memohon bantuan kewangan daripada SKM,” ujarnya menutup bicara.

Lawatan pihak SKM ke pejabat KOWAMAN.



Koperasi Keluarga Usahakan 6 Jenis Bisnes

KOWAMAN Raih RM1.5 Juta Perolehan Pada Tahun 2022

Bermula dengan hasrat membantu ahli keluarga yang memerlukan, Koperasi Warisan Keluarga Othman Kuala Terengganu Berhad (KOWAMAN) telah diluluskan penubuhannya pada 1 April 2013. Koperasi ini ditubuhkan oleh anak kepada Haji Othman seramai 14 orang adik-beradik.

Bericara dengan Pengurus KOWAMAN, Zulhazmi Othman, 49, mengakui sepakat dengan adik-beradik untuk menubuhkan koperasi supaya ahli keluarga mempunyai tempat untuk dituju apabila mempunyai masalah dari segi kewangan. Kini koperasi mempunyai 52 anggota terdiri daripada adik-beradik, ipar-duai dan cucu.

“Konsep penubuhan koperasi adalah perusahaan yang bersifat saling membantu antara anggota. Saya melihat tahap pendidikan adik-beradik berbeza. Ada yang berpendidikan tinggi dan ada yang tidak. Jadi tahap ekonomi antara kami pun berbeza. Koperasi ini adalah satu usaha untuk



Antara projek pembinaan unit kediaman yang dilakukan.

menyediakan platform jika ada antara kami yang memerlukan bantuan kewangan terutama untuk menyekolahkan anak,” kata Zulhazmi memulakan bicara.

ENAM PERUSAHAAN

Bermula dengan perniagaan insurans kenderaan, kini KOWAMAN mempunyai enam jenis perniagaan. Enam perniagaan tersebut adalah insurans kend-

eraan, ladang kelapa sawit, menternak lembu, konsultan pembinaan, pelancongan dan emas. Mereka juga bakal mengusahakan perniagaan ar-rahnu pada masa akan datang.

“Bagi mengembangkan perniagaan koperasi pada awal penubuhan 2013 dahulu, kami mewajibkan semua anggota untuk mengambil insurans kenderaan di koperasi. Dari situ, kami sudah ada pelanggan tetap. Belum mampu membayar gaji atau elau,



KOWAMAN berhasrat membesar perusahaan ternakan lembu pada masa akan datang.

ahli keluarga bekerja secara sukarela. Kini telah ada lima pekerja tetap di koperasi,” katanya lagi.

Perusahaan menternak lembu dilakukan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Lembu dibela dalam ladang kelapa sawit. Kini ada 26 ekor lembu dan pernah mencapai sehingga 60 ekor.

“Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memberikan pinjaman kewangan sebanyak RM600,000 untuk mengusahakan ladang kelapa sawit. Kemudian memberikan kami 17 ekor lembu untuk diternak. Kami juga ingin berkolaborasi dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Dari sini SKM akan bantu kami untuk sewa tanah seluas 20 ekar. Tujuannya adalah untuk meningkatkan jumlah lembu daripada 60 ekor kepada 200 ekor dalam satu masa,” ujarnya lagi.

Perniagaan membawa pulangan paling besar bagi KOWAMAN adalah harta tanah. Koperasi ini membina rumah atas tanah pemilik dan juga mendirikan rumah atas tanah pemaju perumahan. Malah turut membantu koperasi lain membina kilang dan hotel bajet. Koperasi ini layak menguruskan projek harta bernilai RM5 juta ke bawah.

Selain itu, koperasi juga menyediakan tawaran melancang ke Hat Yai, Bangkok dan Sabah. Pada masa akan datang, koperasi berhasrat membawa jemaah ke tanah suci pula.

“KOWAMAN menerima pinjaman RM200,000 untuk mengusahakan perniagaan emas. Kami turut men-

erima geran pembiayaan sebanyak RM40,000 sebagai modal pemula kedai emas. Hal ini menyuntik semangat untuk memajukan kedai emas milik KOWAMAN dengan bersungguh-sungguh.

CABARAN

Menurut Zulhazmi, cabaran untuk mengembangkan perniagaan adalah membentuk minda usahawan dalam diri setiap kakitangan. Namun hal ini dapat dibentuk melalui kursus yang disediakan oleh SKM.

Beliau yakin dengan kursus yang disediakan oleh SKM kerana terbukti berkesan untuk membentuk minda seorang usahawan dan melakukan kerja-kerja perniagaan dengan betul.

“Kakitangan SKM sangat membantu usahawan seperti saya. Selain memantau, mereka juga memberi khidmat nasihat. Tanpa semua ini, mungkin kami tidak berjaya mencapai perolehan sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2022,” katanya lagi.

Apabila bergiat dalam koperasi, Zulhazmi mengharapkan setiap anggota memahami arah tujuan perniagaan yang perlu masuk ke dunia komersial. Justeru penggunaan pemasaran digital perlu dikukuhkan. Atas dasar itulah KOWAMAN mempunyai laman sesawang dan media sosial khas untuk setiap perniagaan.

Mengikut rekod, KOWAMAN memberikan komisyen sebanyak 10 peratus kepada seluruh anggotanya setiap tahun.



Suntikan modal daripada SKM digunakan sebaiknya untuk permulaan perniagaan emas.

“

Kakitangan SKM sangat membantu usahawan seperti saya. Selain memantau, mereka juga memberi khidmat nasihat. Tanpa semua ini, mungkin kami tidak berjaya mencapai perolehan sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2022.

ZULHAZMI OTHMAN
Pengerusi KOWAMAN





Stesen minyak milik koperasi yang terletak di Seri Bandi, Terengganu.

Stesen Minyak Sumbang Pendapatan Tertinggi

Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Seri Bandi Kemaman Berhad Ingin Aktif Dalam Bidang Hartanah Pula


Sejak ditubuhkan pada 4 Februari 1986, Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Seri Bandi Kemaman Berhad telah meraih banyak kejayaan. Ini termasuk mencapai perolehan tertinggi koperasi sebanyak RM21 juta pada tahun 2021.

Anggota koperasi seramai 226 orang terdiri daripada peserta FELCRA dan anak-anak peserta. Koperasi ini menjalankan perusahaan kedai runcit, kedai peralatan pertukangan dan stesen minyak petrol.

Menariknya, koperasi ini telah

beberapa kali menukar nama asalnya. Bermula dengan nama Koperasi Peneroka-Peneroka Rancangan FELCRA Terengganu Tengah Kemaman Terengganu Berhad kepada Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Gugusan Seri Bandi Kemaman Berhad pada 15 September 1989. Pada 30 Jun 2009, nama tersebut ditukar kepada nama sekarang hingga kini.

Perusahaan kedai runcit menggunakan kaedah bayaran tunai dan juga kredit. Namun hanya anggota koperasi sahaja yang dibenarkan membeli secara kredit di koperasi ini.



Pekerja yang merupakan anak-anak peserta Koperasi Peserta-Peserta FELCRA sentiasa memberikan layanan perkhidmatan terbaik di stesen minyak milik koperasi itu.

“Pembelian secara kredit adalah antara keistimewaan yang diberikan kepada anggota koperasi ini. Bayaran dibuat kepada koperasi melalui pendapatan bulanan. Hal ini memudahkan anggota koperasi membeli barang keperluan dan tidak perlu sentiasa melibatkan wang tunai,” kata Pengurus Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Seri Bandi Kemaman Berhad, Noramat Jusoh.

Menjalankan empat perusahaan utama pada satu masa iaitu kedai runcit, kedai peralatan pertukangan dan stesen minyak petrol pada satu masa, sudah pasti ada banyak cabaran yang menjengah.

Menurut Noramat, perusahaan yang paling mendapat banyak perolehan adalah perusahaan stesen minyak petrol jenama Shell.

“Setakat ni, koperasi mempunyai seramai 10 orang pekerja terdiri daripada penolong pengurus, kerani akaun dan atendan pam minyak. Merekalah yang menguruskan kerja di stesen minyak ini,” ujar Noramat lagi.

Cabarannya bagi memastikan stesen minyak ini sentiasa menjadi pilihan bagi ramai pengunjung adalah pihak koperasi perlu memastikan stok sentiasa mencukupi. Noramat turut mengakui perusahaan stesen minyak

memerlukan modal tunai yang tinggi.

“Selain memastikan modal tunai sentiasa ada dan stok minyak petrol mencukupi, kami turut berdepan dengan pelbagai ragam pelanggan. Inilah antara cabarannya dan kami hadapi dengan cara profesional,” katanya lagi.

PEMBIAYAAN TABUNG MODAL PUSINGAN

Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Seri Bandi Kemaman Berhad menerima Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) sebanyak RM1.2 juta. Pembiayaan ini digunakan untuk menaik taraf bangunan stesen minyak. Pembiayaan ini amat membantu pihak koperasi untuk lebih komited dalam perniagaan selain terus berdaya saing.

Hal ini menjadikan koperasi tersebut berjaya meraih Anugerah 100 Koperasi Terbaik Malaysia selama 10 tahun berturut-turut.

“Pada masa akan datang, kami berhasrat bergiat dalam bidang harta tanah dengan pembelian ladang. Kami ingin bekerjasama dengan pemaju untuk projek perumahan. Begitu juga dengan kerja-kerja perlادangan. Akhir kata, kami ingin terus berdaya saing menjadi koperasi yang terbaik,” ujar Noramat mengakhiri bicara.

Pada masa akan datang, kami berhasrat bergiat dalam bidang harta tanah dengan pembelian ladang. Kami ingin bekerjasama dengan pemaju untuk projek perumahan. Begitu juga dengan kerja-kerja perlادangan. menjadi koperasi yang terbaik

NORAMAT JUSOH

Pengurus Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Seri Bandi Kemaman Berhad



Normat Jusoh (tengah) bergambar kenangan bersama ALK dan Pegawai Penyelia SKM Terengganu ketika kunjungan krew Majalah Gagasan di pusat pengoperasian di Seri Bandi, Terengganu.

Fokus Perniagaan Pajak Gadai Islam

KoPKB Jemput Lebih Banyak Koperasi Bekerjasama

Bermula sejak tahun 1998, Koperasi Permodalan Kelantan Berhad (KoPKB) kini selesa dengan 36 cawangan kedai pajak gadai Islam atau ar-rahm miliknya. Ini belum termasuk sebanyak 66 cawangan ar-rahm yang diwakili secara francis menjadikan keseluruhan sebanyak 102 cawangan.

Fokus perniagaan pajak gadai Islam ini bertumpu di Kelantan kerana memang kebanyakan penduduk di sana amat meminati logam tersebut. Justeru kewujudan banyak kedai pajak gadai Islam wujud di sana demi

memenuhi keperluan masyarakat negeri Cik Siti Wan Kembang itu.

Wawancara bersama Setiausaha Koperasi Permodalan Kelantan Berhad, Ridzan Nurlina Mohamed Nasir menyaksikan banyak perancangan telah disusun rapi demi memastikan koperasi terus berdaya saing di pasaran.

“Kini kami sedang fokus untuk meluaskan perniagaan di Johor dan Sabah. Di Johor kami telah ada tiga cawangan kedai ar-rahm. Kami bakal buka empat lagi cawangan kerana terdapat banyak pemintaan. Di Sabah pulak, kita sudah buka cawan-

gan di Semporna dan Lahad Datu,” kata Ridzan.

Menurutnya, perniagaan ar-rahm ini dijalankan sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional. Ini juga sebagai langkah untuk menerangkan masyarakat menggunakan sistem pajak gadai Islam yang patuh syariah.

“Perniagaan ini adalah daripada usaha Pengurus Eksekutif koperasi ini, Tuan Aziz Nawi. Beliau telah meninggal dunia. Dahulu beliau bekerja di bank dan pakar dalam hal-ehwal pajak gadai. Justeru beliau mahu masyarakat menggunakan sistem pajak gadai Islam yang semestinya halal dan patuh syariah,” ujarnya lagi yang menerangkan bahawa koperasi menggunakan operasinya yang tersendiri dan mengambil masa dua hingga tiga tahun untuk memantapkan operasi tersebut.

Pusat pengoperasian Utama Koperasi Permodalan Kelantan Berhad yang terletak di Kuala Krai, Kelantan.





ALK dan Bahagian Pengurusan badan Koperasi Permodalan Kelantan Berhad akan memastikan koperasi yang diteraju akan terus berdaya saing.

CABARAN

Perniagaan ar-rahm melibatkan modal besar. Justeru cabarannya juga besar. Cabaran utama adalah mengelakkkan emas palsu. Atas sebab itulah setiap kakitangan di kaunter perlu dilatih dan lulus peperiksaan supaya mereka mahir mengenal pasti antara emas tulen dan emas palsu.

Dalam usaha untuk mengembangkan lagi perniagaan, Koperasi Permodalan Berhad menjemput lebih banyak koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk menyertai mereka membuka francais.

Walaupun modal untuk membuka francais ar-rahm diperlukan antara RM1 juta hingga RM5 juta, namun Francois mendapat beberapa manfaat misalnya boleh menggunakan sistem yang telah dibangunkan oleh koperasi ini.

“Ada tiga modul sistem telah dibangunkan iaitu modul kaunter, modul lelong dan modul aplikasi mobile. Ketiga-tiga modul ini dibayar secara bulanan untuk memudahkan urusan kedai ar-rahm beroperasi,” ujar Ridzan lagi.

Selain kedai ar-rahm, Koperasi Permodalan Kelantan Berhad turut



Tidak hanya bergantung kepada perniagaan pajak gadai, kini Koperasi Permodalan Kelantan Berhad berkembang dengan perniagaan francais 7-Eleven.

menjalankan perniagaan peruncitan di bawah 7-Eleven, jual beli emas, takaful dan mikrokredit kepada anggota koperasi.

Ridzan menegaskan, daripada keseluruhan perniagaan, ar-rahm memberikan perolehan tertinggi setiap tahun. Justeru, mereka ingin fokus kepada perniagaan ini dan mencuba pasaran ar-rahm di luar negara.

“Kami juga ingin membuka kedai runcit sendiri kerana telah bertahun-tahun menimba pengalaman dalam bidang peruncitan di bawah francais 7-Eleven. Untuk ar-rahm pula, kami ingin terus kekal berdaya saing dan mengukuhkan perniagaan secara digital iaitu pajak gadai online. Kami sedang menilai untuk bekerjasama dengan syarikat kurier yang dipercayai demi kelangsungan bisnes ini pada masa akan datang,” ujar Ridzan menutup bicara.

Ridzan Nurlina
Mohamed
Naser,
Setiausaha
Koperasi
Permodalan
Kelantan
Berhad

MARCELLINUS ANDREAS
Pengarah Bahagian Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Menyediakan akaun dan laporan kewangan secara tersusun setiap tahun adalah perkara penting bagi syarikat dan koperasi.

GP23 Selaraskan Piawaian Akaun & Laporan Kewangan

Koperasi Perlu Patuhi Standard Untuk Mudahkan Urusan Audit

Urusan menyiapkan akaun dan laporan kewangan syarikat pada setiap tahun adalah satu isu yang amat besar bagi kebanyakan syarikat. Termasuklah juga kepada koperasi yang menguruskan kewangan harus dilaksanakan dalam keadaan tersusun.

Kesilapan menguruskan akaun dan penyata kewangan boleh membualkan masalah apabila audit dibuat pada hujung tahun. Syarikat perlu menunjukkan transaksi kewangan berserta bukti untuk menjadikan

akaun adalah telus dan bersih.

Selaras dengan perkembangan dan perubahan dalam piawaian perakaunan yang diguna pakai di Malaysia, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi 2023 (GP23) telah diperkenalkan.

GP23 juga adalah keperluan untuk menyeragamkan pelaporan kewangan koperasi bagi memudahkan perbandingan atau pengukuran prestasi gerakan koperasi dengan sektor lain terutama sektor perusahaan kecil dan sederhana. Garis panduan ini mulai

digunakan mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Secara umum, penetapan piawaian perakaunan bagi pelaporan penyata kewangan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997.

MASB mengeluarkan dua bentuk piawaian iaitu *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

PIAWAIAN PERAKAUNAN BAGI PENYATA KEWANGAN KOPERASI

Koperasi mempunyai pilihan untuk menggunakan piawaian MFRS atau MPERS. Pun begitu, ada koperasi atau bank koperasi (Co-op bank) yang dikehendaki menggunakan piawaian MFRS sepenuhnya mengikut keperluan GP11: Garis Panduan Penubuhan dan Pengendalian Co-op bank (Pindaan 2019).

Namun, setiap yang terlibat perlu memahami bahawa pemakaian perakaunan adalah tertakluk kepada peruntukan dalam akta, peraturan, perintah, arahan, pekeliling dan garis panduan iaitu:

- 1) Bahagian D - Pelaporan Penyata Kewangan Yang Seragam
- 2) Bahagian E - Keperluan Pendedahan Butiran Dan Maklumat Khusus
- 3) Bahagian F - Keperluan Khusus Dan Pengecualian

Justeru, pengusaha koperasi perlu bersedia sedia dengan akaun dan penyata kewangan yang mengikut standard diperlukan oleh GP23 supaya memudahkan urusan audit.

Terdapat 12 perkara utama yang menjadi fokus GP23 iaitu Aset Biologi, Pelaburan Hartanah, Pelaburan Dalam Syer Siar Harga, Pinjaman/Pembentangan Anggota, Kumpulan Wang Likuiditi Pusat (KWLP), Akaun Deposit Koperasi (ADK), Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2019, Akaun Rizab Penilaian Semula dan Rizab Nilai Saksama, Kumpulan Wang atau Tabung (Anggota), Potongan kerana langganan, cadangan dividen atas syer dan yuran dan cadangan honorarium, Penyata Pendapatan Komprehensif, Pelarasan Tahun-Tahun Terdahulu dan Akaun Kumpulan.

Piawaian pelaporan perakaunan bagi institusi yang perlu melaporkan hal-ehwal kewangan mereka, adalah dikawal selia oleh tiga organisasi iaitu:

- 1) Suruhanjaya Sekuriti
- 2) Bank Negara Malaysia
- 3) Syarikat yang tersenarai di Bursa

PERBEZAAN FORMAT GP23 (2012) DENGAN GP23 (PINDAAN) 2020

Bil	PERKARA	GP23 (2012)	GP23 (Pindaan) 2020
1	Tahun Terbitan	18 Oktober 2012	15 Disember 2020
2	Rujukan	MFRS dan PERS	MFRS dan MPERS
3	Format	Bahagian A: Pengenalan Bahagian B: Tanggungjawab ALK Peruntukan Perundangan Bahagian C: Pelaporan Penyata Kewangan Yang Seragam Tiada paksaan untuk koperasi melapor penyata kewangan mengikut MFRS dan PERS (kecuali koperasi yang dikehendaki menggunakan MFRS)	Bahagian A: Pengenalan Bahagian B: Tanggungjawab ALK Peruntukan Perundangan Bahagian C: Piawaian Pelaporan Perakaunan Penyata Kewangan Koperasi - MFRS / MPERS Bahagian D: Pelaporan Penyata Kewangan Yang Seragam Bahagian E: Keperluan Pendedahan Butiran dan Maklumat Khusus Bahagian F: Keperluan Khusus dan Pengecualian



Audit memerlukan ketelitian, bukti yang lengkap, dan kemasukan kewangan yang tepat.

Malaysia berserta dengan sub-sidiari, syarikat sekutu dan syarikat usahasama.

PERSEDIAAN PIHAK KOPERASI

Proses mengaudit perakaunan dan penyata kewangan memerlukan satu proses yang teliti. Hal ini kerana iaanya membabitkan proses keluar masuk kewangan dan memerlukan bukti yang lengkap demi memastikan kelancaran proses audit.

Justeru, SKM menggalakkan setiap

Info



Imbas QR code ini untuk mendapatkan jadual info ringkas Perbezaan Utama GP23 (2012) dengan GP23 (pindaan) 2020 dalam bentuk PDF

koperasi lebih teliti dalam penyediaan perakaunan dan penyata kewangan. Pindaan GP23 yang diperkenalkan adalah bertujuan memudahkan dan memastikan pelaporan penyata kewangan tahunan dapat dibuat dengan lebih sempurna.

Kegagalan pihak pengurusan koperasi mematuhi garis panduan yang telah dipinda ini berkemungkinan menyebabkan masalah dalam perakaunan sekali gus menjasarkan penyata kewangan koperasi terbabit. Hal ini boleh menyebabkan banyak isu berbangkit pada tahun-tahun akan datang.

Setiap pihak pengurusan koperasi mengambil berat berkenaan Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi 2023 kerana ianya memudahkan urusan menyiapkan penyata laporan kewangan.

Kesimpulannya, semua koperasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia adalah tertakluk kepada GP23 bagi pelaporan penyata kewangan koperasi mulai 31 Disember 2022. Seluruh pihak pengurusan koperasi perlu mengenal pasti cabaran dan implikasi sewajarnya bagi memastikan peralihan kepada GP23 berjalan lancar.

DATIN DR. ROMAIZAH ABD KADIR
Timbalan Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Pembangunan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Perniagaan berasaskan pertanian mampu dijadikan platform perusahaan sosial dalam kalangan anggota koperasi.



Sektor pelancongan membuka peluang pekerjaan lebih banyak kepada masyarakat.

Sebagaimana yang masyarakat sedia maklum, perniagaan jenis koperasi adalah sebuah perniagaan yang bersifat saling membantu dalam kalangan anggotanya. Justeru koperasi layak diiktiraf sebagai organisasi bertaraf perusahaan sosial yang mencipta nilai tambah kepada kehidupan anggota dan masyarakat.

Perusahaan sosial adalah aktiviti yang dijalankan bertujuan membangunkan masyarakat. Hal ini termasuk isu-isu sosial masyarakat misalnya kemiskinan, jurang pendidikan, alam sekitar dan hak kumpulan berkeperluan khas. Mereka ini adalah orang kelainan upaya (OKU), warga emas, keluarga rentan iaitu ibu tunggal dan bapa tunggal, kanak-kanak kurang bernasib baik serta golongan terpinggir seperti bekas banduan, bekas penagih dan mangsa pemerdagangan manusia.

Pun begitu, perusahaan sosial di tanah air kita masih kurang menerima sokongan daripada rakan usaha nia- ga. Berkemungkinan besar kurangnya sokongan disebabkan konsep perusahaan sosial belum difahami sepenuhnya.

FAHAM KONSEP PERUSAHAAN SOSIAL

Konsep keusahawanan sosial muncul pada tahun 1980-an dan sejak itu telah diterima ramai. Namun titik

SEMy2030 Menyasarkan 10,000 Perusahaan Sosial Di Malaysia

KUSKOP Mahu Wujudkan Ekosistem Holistik Demi Menyokong Perusahaan Sosial Tempatan

persamaan dalam menentukan konsep tersebut sukar mencapai kesepakatan. Pengamal, usahawan dan golongan sarjana baik dalam institusi, organisasi mahupun badan bukan kerajaan masing-masing mempunyai definisi berbeza tentang perusahaan sosial.

Sejarah mencatatkan penubuhan koperasi membantu golongan tertindas dan memerlukan pembelaan semasa era Revolusi Perindustrian bermula di England pada abad ke-18. Menerusi koperasi, misi sosial tersebut dapat dilaksanakan untuk menangani masalah sosioekonomi anggota iaitu golongan buruh yang ditindas dengan kadar upah yang rendah.

Strategi perniagaan perusahaan sosial adalah memastikan organisasi

mempunyai cukup dana tanpa perlu bergantung kepada sumber luar untuk terus beroperasi. Pendekatan perusahaan sosial lebih mementingkan matlamat keuntungan sosial iaitu membantu menyelesaikan masalah golongan yang memerlukan bagi mencapai kecukupan bersama.

RANGKA TINDAKAN KEUSAHAWANAN SOSIAL 2023 (SEMy2030)

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melancarkan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 (SEMy2030) dengan tujuan memastikan keselarasan pelaksanaan perusahaan sosial untuk menyokong

MANFAAT KEPADA KOPERASI YANG MENDAPAT PENARAFAN AKREDITASI SE:

Perusahaan Sosial Asas (SE.Asas)

- 1) Akses kepada program latihan/bimbingan yang ditawarkan oleh Kementerian serta Agensi-agensi di bawahnya**
- 2) Akses kepada pembiayaan yang ditawarkan oleh Agensi-agensi di bawah Kementerian**
- 3) Akses kepada program promosi dan pemasaran

Perusahaan Sosial Diakreditasi (SE.Ac)

- 1) Pengecualian cukai pendapatan selama tiga tahun taksiran (Bajet 2022) bagi syarikat
- 2) Layak memohon geran perusahaan sosial di bawah Yayasan Hasanah bagi syarikat.
- 3) Keutamaan dalam mendapatkan pembiayaan**
- 4) Keutamaan dalam mengikuti program pembangunan kapasiti**
- 5) Keutamaan dalam menyertai program akses pasaran**

**Tertakluk kepada terma dan syarat program

Koperasi yang berminat boleh memohon untuk mendapat penarafan SE Asas dengan melengkapkan borang permohonan secara atas talian melalui www.semy.com.my dan berhubung dengan SKM Cawangan Negeri atau Wilayah untuk mendapatkan maklumat lanjut.

perkembangannya sebagai entiti yang memanfaatkan pertumbuhan sosioekonomi negara.

SEMy2030 membawakan tema “Mengarusperdanakan Perusahaan Sosial, Menormalisasikan Impak Sosial” dengan hasrat menetapkan arah tuju baharu dalam pembangunan perusahaan sosial di Malaysia.

Rangka Tindakan ini juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan usahawan dalam melaksanakan aktiviti sosial dan diberi penarafan bagi yang layak dan memenuhi kriteria asas atau diakreditasi. Dalam erti kata lain, kemakmuran dan kesajahteraan rakyat dapat dinikmati secara adil oleh semua lapisan masyarakat sejarar dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Sasaran SEMy2030 adalah 10,000 syarikat PMKS atau koperasi diberi penarafan perusahaan sosial. Rangka Tindakan ini mengandungi lima teras strategik, 20 strategi dan 45 inisiatif. Antara matlamat yang ingin dicapai adalah galakan terhadap perusahaan sosial secara inklusif, peluang pendidikan, kesihatan, kesaksamaan sosial, melindungi mangsa keganasan, kelestarian alam sekitar, jaminan makanan dan akses kepada air bersih serta sanitasi.

MISI SOSIAL

Koperasi boleh merealisasikan misi sosialnya sebagai pemangkin SEMy2030.

- 1) Memberi penyelesaian per-

niagaan melibatkan anggota golongan miskin atau kurang bernasib baik sebagai pelanggan dan pengguna atau pada pembekalan. Koperasi sebagai pengantara pemasaran atau pemberong.

- 2) Memberikan subsidi bersilang seperti menjual produk atau perkhidmatan kepada pelanggan berpendapatan tinggi untuk membiayai semua atau sebahagian daripada produk atau perkhidmatan untuk penerima manfaat.
- 3) Jual satu beri satu, iaitu menjual produk kepada pasaran luar yang kemudiannya dermakan produk tersebut kepada penerima manfaat.
- 4) Kemudahan mikro kredit iaitu membolehkan anggota memulakan perniagaan kecil tanpa pelaburuan pendahuluan yang tinggi.
- 5) Mereka bentuk semula teknologi atau perkhidmatan lebih mampu dimiliki oleh golongan miskin dengan kos lebih rendah bersesuaian dengan keadaan komuniti tempatan.

CONTOH KOPERASI BERTARAF PERUSAHAAN SOSIAL (SE. Asas)

Koperasi Komuniti Cakna Wakaf Tapai Marang Berhad

Ditubuhkan pada 2019. Menjalankan perniagaan butik dan bengkel jahitan beg batik. Misi sosial koperasi adalah memartabatkan golongan orang kurang berupaya (OKU) dalam penghasilan produk kraf setanding pasaran luar dengan memberikan latihan jahitan dan pengantara pemasaran produk anggota. Melalui aktiviti ini, koperasi dapat membantu golongan OKU dalam bidang jahitan sekali gus mendedahkan OKU kepada teknik menghasilkan produk kraf berkualiti tinggi. Koperasi ini mempunyai 53 orang anggota. Pada 2020, telah menjana perolehan sebanyak RM74,019.00 dan aset bernilai RM11,197.00.

Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Keningau Sabah Berhad

Penglibatan seramai 295 anggota terdiri daripada penanam kelapa sawit. Modal syer terkumpul berjumlah RM108,700. Aktiviti utama koperasi ini adalah membeli, menyimpan dan menjual buah tandan segar (BTS), menjual input pertanian dan menyediakan perkhidmatan tanam baru serta tanam semula kelapa sawit.

Pada 2021, koperasi telah menjana perolehan sebanyak RM17,668,599. Misi sosial koperasi adalah membantu pekebun kecil untuk memasarkan hasil tanaman. Matlamat koperasi adalah penyertaan sosial yang inklusif iaitu kelayakan pekerjaan dan pembangunan ekonomi dan kesaksamaan sosial iaitu basmi kemiskinan.

Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad

Koperasi ini ditubuhkan di Kampung Kilim, Langkawi Kedah pada Ogos 2010. Penubuhannya membuka mata banyak pihak tentang kemampuan gerakan koperasi kepada pembangunan sosioekonomi komuniti setempat.

Koperasi ini juga telah muncul sebagai koperasi contoh kerana berjaya memberi impak positif. Bermula dengan tiga bot, kini mempunyai 130 bot pelancong beroperasi di jeti Kampung Kilim. Semua bot dimiliki oleh anggota koperasi. Kini koperasi dianggotai seramai 291 anggota dengan syer terkumpul berjumlah RM131,535. Pada tahun 2021 koperasi telah menjana perolehan sebanyak RM948,805.

SUARA ANDA, INSPIRASI KAMI



Anda mempunyai cadangan yang ingin anda kongsikan mengenai penerbitan Majalah ini?



Imbas kod QR ini dan kemukakannya kepada kami



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100